

Membendung penghijrahan modal insan

Oleh MOHD NAHAR MOHD ARSHAD

UM - 5/4/2007

KEHILANGAN modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi akibat penghijrahan ke negara lain (*brain drain*) adalah satu trend yang sering dialami oleh negara-negara sedang membangun. Masalah ini timbul akibat dari faktor penolakan yang kuat di kebanyakan negara-negara sedang membangun.

Faktor penolakan ini biasanya wujud dalam bentuk konflik atau ketidakstabilan politik, sosial atau ekonomi yang mengakibatkan tertutupnya peluang buat golongan ini bagi mendapatkan 'pulangan' setimpal atas pelaburan mereka dalam bidang pendidikan (pelaburan modal insan).

Pada masa yang sama, faktor penarikan yang wujud di negara-negara maju seperti taraf ekonomi yang baik dan peluang kerja yang secocok dengan kelulusan turut menyumbang kepada beralihnya tumpuan modal insan ke negara lain. Kajian mendapati bahawa Amerika Syarikat (AS), Kanada, United Kingdom (UK) dan Australia adalah destinasi utama pilihan pekerja yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi dari seluruh dunia ke negara-negara tersebut (faktor bahasa Inggeris turut menjadikan negara-negara ini lebih menarik berbanding Jepun atau Korea Selatan).

Sebenarnya, penghijrahan tenaga buruh mahir dan profesional akan mengakibatkan kerugian besar kepada sebuah negara terutamanya apabila negara tersebut memberikan pendidikan percuma atau menyediakan subsidi besar untuk pendidikan rakyatnya.

Lantaran itu, isu migrasi modal insan ke negara lain perlu diberi perhatian serius dalam konteks negara kita Malaysia. Meskipun masalah ini tidak begitu serius di Malaysia, namun, perhatian secukupnya ke atas perkara ini tidak boleh dipandang ringan.

Natijah kepada trend ini ialah semakin meningkatnya guna tenaga Malaysia yang berkelulusan tinggi dengan sekurang-kurangnya mempunyai diploma ataupun ijazah sarjana muda. Peningkatan modal sosial ini memerlukan pertumbuhan ekonomi yang berkeupayaan tinggi agar pasaran buruh tempatan mampu menyerap guna tenaga mahir yang wujud.

Lazimnya, kehilangan modal insan berlaku apabila mereka yang melanjutkan pelajaran ke luar negara mengambil keputusan untuk terus bekerja di sana. Ada juga keadaan di mana pekerja yang berkelulusan tempatan dan bekerja di negara asal pada awalnya tetapi kemudian mengambil keputusan untuk berhijrah ke negara lain kerana mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Keadaan kedua ini lebih genting kerana ia menggambarkan dinamik pasaran buruh tempatan yang kurang menarik.

Bagi mengelakkan kehilangan modal insan, keupayaan ekonomi sebuah negara untuk berkembang dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan yang secocok dengan kualiti modal insan yang wujud perlu dicapai. Ini memerlukan perancangan rapi jangka panjang kerana ia melibatkan perubahan struktur sesebuah ekonomi selaras dengan perubahan demografik guna tenaganya.

Selanjutnya, kehilangan sumber insan juga dapat dibendung dengan menyediakan pelbagai insentif menarik yang bukan sahaja untuk mengekalkan tenaga buruh mahir tempatan, malah untuk menarik tenaga buruh mahir asing untuk datang dan bekerja di sebuah negara. Dalam hal ini, Dubai adalah contoh yang menggunakan pendekatan ini dalam memacu perkembangan ekonominya.

Dalam konteks Malaysia, secara amnya pasaran buruh kita masih belum begitu kompetitif untuk menarik tenaga-tenaga kerja mahir dan profesional asing untuk datang dan bekerja di sini. Namun, di peringkat pasaran buruh kurang mahir, Malaysia menjadi destinasi ramai pekerja-pekerja luar terutamanya dari Indonesia untuk bekerja di sini.